

## KEPERCAYAAN KECERDASAN DIRI DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA DI SELANGOR

*(Self-Intelligence Belief Among Students of Private Higher Education  
Institutions in Selangor)*

**Suziana Hanini Sulaiman<sup>1</sup>, Shazarina Zdainal Abidin<sup>2</sup>, Suhana Mohamed Lip<sup>3</sup>,  
Natasha Ariffin<sup>4</sup>, Norshilawani Shahidan<sup>5</sup>, Mohamad Fuad Ishak<sup>6</sup>, Sapie Sabilan<sup>7</sup>.**

Submitted: 29-Apr-2024  
Accepted: 14-May-2024  
Revised: 24-Jun-2024  
Published: 30-Jun-2024

1Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [suziana@uis.edu.my](mailto:suziana@uis.edu.my)

### Abstrak

Kajian ini bertujuan melihat faktor yang mempengaruhi kepercayaan kecerdasan diri dan hubungannya terhadap pencapaian akademik seseorang pelajar. Faktor dalaman melibatkan aspek kepercayaan terhadap diri dan konsep sendiri pelajar, manakala faktor luaran adalah ibu bapa, guru, rakan sebaya dan persekitaran. Kajian deskriptif ini dijalankan ke atas 100 orang responden program Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dan Sarjana Muda Pendidikan (TESL) dari Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS) dan Fakulti Pendidikan Universiti Selangor (UNISEL). Data kajian ini dianalisis menggunakan SPSS versi 26 dan hasil kajian mendapati faktor-faktor dalaman dan luaran di kalangan pelajar adalah pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.30. Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor kepercayaan kecerdasan diri pelajar dengan pencapaian akademik seseorang pelajar. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan dalam memantapkan pembentukan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual seterusnya meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

**Kata kunci:** Faktor, Kecerdasan diri, Kepercayaan.

### Abstract

This study aims to see the factors that affect self-intelligence belief and their relationship to students' academic achievement. Internal factors involved students' self-belief and self-concept, while external factors are related to parents, teachers, peers and the environment. This descriptive study was conducted on 100 respondents of the Bachelor of Education (Islamic Education) and Bachelor of Education (TESL) programs from the Faculty of Education, Selangor Islamic University (UIS) and Faculty of Education, Universiti Selangor (UNISEL). The data of this study was analysed using SPSS version 26 and the results of the study found that internal and external factors among students were at a high level with 4.3 min score. The results of the study also found that there is a significant relationship between the students' self-intelligence belief factor and the academic achievement of students. This study is expected to be a guide and reference in strengthening the formation of students who are balanced in terms of physical, emotional, spiritual and intellectual further increasing their academic achievement.

**Keywords:** Factor, Self-intelligence, Belief

## 1.0 PENGENALAN

pendidikan merupakan satu perkara penting bagi setiap individu dan merupakan asas kepada pembentukan diri seseorang. pendidikan yang ditekankan di Malaysia adalah pendidikan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. ia diharapkan mampu menghasilkan masyarakat berketerampilan, memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu, bertanggungjawab dan bermotivasi.

prestasi akademik pelajar sama ada di sekolah mahupun di universiti awam (ua) atau institusi pengajian tinggi swasta (ipts) merupakan hal yang penting kini. kecemerlangan akademik pelajar sentiasa menjadi isu perbincangan dan menjadi perhatian masyarakat. pencapaian akademik pelajar sering dilihat dari sudut kebolehan yang dimiliki oleh seseorang pelajar. (Mohd Shafiq dan Nooraini, 2018).

kecerdasan diri merupakan salah satu aspek pendidikan yang perlu diberi perhatian dalam mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar. (Gardner, 1983; Campbell & Campbell 1999; Armstrong 2018). kecerdasan diri juga dipengaruhi oleh persepsi diri terhadap kecerdasan yang berasaskan kepada pengalaman sendiri seseorang (Enea Drapeau et al., 2017). ia merupakan elemen penting yang mempengaruhi keupayaan kognitif, konsep keyakinan diri atau kebolehan seseorang individu. dalam kajian yang dijalankan oleh Li dan Bates (2020) pencapaian akademik seseorang dipengaruhi oleh tahap kognitif dan kecerdasan minda.

kepercayaan diri terutama dalam aspek kecerdasan dibentuk atau dipengaruhi oleh pelbagai faktor. antara faktor yang dibincangkan adalah daripada dalaman yang melibatkan kepercayaan dan konsep diri pelajar itu sendiri. makalah faktor luaran adalah daripada ibu bapa, guru, rakan sebaya dan persekitaran. terdapat pelbagai teori yang mengkaji tentang kepercayaan diri dan menjelaskan faktor yang mempengaruhi dalam pembentukannya. antara teori adalah seperti berikut:

### 1.1 Teori Perkembangan Psikososial

Teori Perkembangan Psikososial telah dipelopori oleh Erik Erikson (1950). Menurut Erikson, percaya diri, efikasi diri dan harga diri adalah situasi yang wujud hasil daripada perkembangan keperibadian yang berlaku pada lapan tahap perkembangan psikososial sepanjang kehidupannya. Beliau berpandangan pada setiap peringkat perkembangan tersebut, individu berhadapan dengan konflik yang perlu diatasi dengan sebaiknya. Sekiranya individu tersebut berjaya mengatasi konflik tersebut dengan jayanya, keperibadian yang baik akan terbentuk menjadikan seseorang itu individu yang percaya pada persekitaran mahupun keupayaan dirinya.

Rajah 1.1: Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson (1950)

TAHAP	USIA	KRISIS PSIKOSOSIAL	KEMAMPUAN
I	0-1	Basic trust vs mistrust	Menerima, dan sebaliknya memberi
II	2-3	Autonomy vs shame and doubt	Menahan atau membiarkan
III	3-6	Initiative vs guilt	Menjadikan (seperti) permainan
IV	7-12	Industry vs inferiority	Membuat atau merangkai sesuatu
V	12-18	Identity vs role confusion	Menjadi diri sendiri, berbagi konsep diri
VI	20-an	Intimacy vs isolation	Melepas dan mencari jati diri
VII	20-50	Generativity vs stagnation	Membuat, memelihara
VIII	>50	Ego integrity vs despair	

Lapan tahap yang dinyatakan oleh Erikson dalam bukunya *Childhood and Society* adalah seperti berikut: 1) percaya lawan tidak percaya; 2) autonomi lawan ragu atau malu; 3) inisiatif lawan rasa bersalah, 4) kecekapan lawan rasa rendah diri; 5) identiti lawan kekeliruan peranan; 6) intim lawan pengasingan; 7) menjana lawan tetap dan 8) keutuhan lawan putus harapan. Namun, empat peringkat awal dalam perkembangan ini sangat memberi impak kepada pembentukan percaya diri individu iaitu:

- a) Percaya lawan tidak percaya – Peringkat ini berlaku pada umur lahir hingga 1 setengah tahun. Pada peringkat awal ini bayi mula membina kepercayaan kepada orang yang signifikan dengannya seperti ibu atau pengasuhnya. Sekiranya tempoh tersebut dilalui dengan baik, bayi akan membina perasaan percaya kepada persekitarannya dan melihat perkara yang berlaku disekelilingnya pada pandangan yang baik.
- b) Autonomi lawan ragu atau malu – Peringkat ini pula berlaku pada umur 1 setengah tahun hingga ke 3 tahun. Pada peringkat ini pula, kanak-kanak mula mempunyai keinginan yang sangat kuat untuk memiliki kuasa bagi melakukan sesuatu dengan daya usaha sendiri. Sokongan, kebebasan dan ruang yang diberikan oleh ibu bapa akan menimbulkan rasa percaya pada keupayaan diri. Namun, keterbatasan ruang yang diberikan untuk mengeksplorasi diri dan melakukan sesuatu akan menimbulkan perasaan ragu-ragu, malu, takut untuk melakukan kesalahan dan seterusnya kanak-kanak tersebut hilang rasa percaya diri dan kurang berdikari.
- c) Inisiatif lawan rasa bersalah – Peringkat ini berlaku pada umur 3 hingga 5 tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak mempunyai banyak idea untuk berkeaktiviti, aktif bereksperimen, berimajinasi, berani dan senang bergaul. Walaubagaimanapun, persekitaran yang tidak menyokong seperti sering dikritik akan mengganggu perkembangan tersebut yang akhirnya akan menimbulkan emosi yang negatif terhadap diri, merasa salah pada setiap tindakannya sehingga sering timbul perasaan bersalah.
- d) Kecekapan lawan rasa rendah diri – Peringkat ini berlaku pada kanak-kanak berumur 5-12 tahun. Kanak-kanak pada peringkat ini menjadi lebih serius untuk

menyelesaikan tugas dengan memberi lebih perhatian dan berhati-hati atas setiap tindakan. Galakan yang diberikan pada peringkat ini akan memperkembangkan kemahiran dan kegigihan dalam menyelesaikan tugas seterusnya melahirkan individu yang tekun dalam menguasai pengetahuan dan membina keterampilan intelektual. Kanak-kanak yang tidak diberi dorongan bahkan sering dimarah atau dibiarkan, akan timbul rasa rendah diri, tidak yakin dan tidak produktif dalam setiap tindakannya.

Menurut Tiara Emiliza (2019), setiap tahap dalam teori Erikson berkait dengan kemampuan seseorang dalam kehidupan. Teori ini berpandangan bahawa kepercayaan terhadap diri dipengaruhi oleh keluarga dan persekitaran di mana konsep sendiri fizikal, sosial dan akademik seseorang itu dibentuk. Pembentukan konsep sendiri mencerminkan pandangan seseorang terhadap diri dan keperibadiannya, dan salah satunya adalah melalui interaksi individu dengan orang yang penting dalam persekitarannya. Pembentukan konsep sendiri ini jelas terbentuk pada peringkat pertama hingga keempat yang mana akhirnya membentuk keperibadian individu pada peringkat kelima hingga kelapan. Tiara Emiliza (2019) juga menyatakan, interaksi yang sihat pada peringkat tersebut dapat memperkembangkan peribadi anak yang sihat, percaya diri dan dapat menyesuaikan diri dengan baik dalam persekitarannya. Pelajar yang mempunyai kepercayaan diri yang tinggi akan memberi pengaruh yang positif dalam meningkatkan prestasi dirinya (Asiyah, Ahmad Walid dan Raden Gamal Tamrin Kusuma, 2019).

Justeru, teori ini menjelaskan bahawa aspek kepercayaan diri yang tumbuh dan berkembang sejak kecil melalui tindakbalas individu dengan persekitarannya sangat memberi pengaruh kepada kepercayaan diri individu terhadap kemampuan dirinya termasuk hal yang berkaitan dengan kecerdasan. Kepercayaan yang positif terhadap kecerdasan diri ini memacu tindakan individu untuk lebih berusaha ke arah mencapai kecemerlangan dalam akademik.

## **1.2 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kepercayaan Kecerdasan Diri**

Dalam mencapai matlamat sesebuah institusi pengajian tinggi untuk melahirkan graduan yang berjaya dalam pencapaian akademik dan sahsiah, masalah kemerosotan pencapaian akademik merupakan suatu permasalahan yang tidak dapat dielakkan. Walaubagaimanapun, segala permasalahan dan cabaran yang berlaku dalam proses pembelajaran ini akan membantu mempertingkatkan usaha ke arah mencapai kecemerlangan institusi tersebut. Pelbagai faktor telah dikaji oleh pakar-pakar dalam bidang penyelidikan bagi mencari punca-punca kemerosotan dan permasalahan dalam mencapai prestasi yang terbaik dalam akademik terhadap pelajar-pelajar IPT. Kajian mendapati pencapaian awal, minat, sikap, motivasi, dan kemahiran menyelesaikan masalah merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku. (Kamaruddin, 2003). Kecerdasan pada diri sendiri dan secara tidak langsung mempertingkatkan kemahiran belajar dan meningkatkan pencapaian akademik.

Pelajar yang percaya mereka akan berjaya adalah lebih tekun berusaha berbanding dengan pelajar yang tidak mempunyai keyakinan (Philipchalk, 1995). Efikasi diri pelajar terhadap efikasi akademik mereka mempunyai pertalian dengan hasil akademik yang penting seperti motivasi, penglibatan kognitif dan pencapaian pelajar. (Pintrich & De Groot, 1990) Pelajar yang mempunyai efikasi diri yang tinggi juga cenderung memperoleh pencapaian tinggi di sekolah (Bandura, 1993; Pintrich dan Groot, 1990; Schunk, 1994).

Terdapat kajian yang menyatakan bahawa perbezaan jantina dalam efikasi sendiri akademik tidak mempunyai penemuan yang tidak konsisten. Walaubagaimanapun, Pastorelli et. al. (2001) mendapati wanita mempamerkan akademik yang lebih tinggi dalam efikasi sendiri berbanding lelaki, manakala Huang (2013) mendapati lelaki mempamerkan efikasi sendiri keseluruhan yang lebih tinggi berbanding wanita. Walau bagaimanapun, perbezaan jantina dalam efikasi sendiri akademik dilihat cenderung untuk subjek khusus, di mana lelaki mempamerkan efikasi sendiri yang lebih tinggi dalam subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), manakala wanita mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi dalam seni bahasa (Khemka, 2014). Dever dan Kim (2016) mencadangkan bahawa perbezaan jantina dalam efikasi sendiri akademik mungkin berlanjutan kepada pendidikan K-12, tetapi penyelidik cenderung menyasarkan populasi yang lebih muda.

MacPhee, Farro, dan Canetto (2013) menjalankan kajian longitud yang mengkaji efikasi sendiri akademik wanita minoriti daripada status ekonomi rendah yang mendaftar dalam program STEM. Dapatan kajian mencadangkan bahawa wanita mempunyai efikasi sendiri akademik yang lebih rendah berbanding lelaki sebelum program STEM tetapi efikasi sendiri akademik mereka adalah bersamaan dengan lelaki pada masa tamat pengajian (MacPhee, Farro, & Canetto, 2013). Penemuan ini menunjukkan bahawa program pengantara, seperti pementoran, boleh merapatkan jurang jantina efikasi sendiri akademik. Walau bagaimanapun, penting untuk diperhatikan bahawa walaupun MacPhee, Farro, and Canetto's (2013) menunjukkan perbezaan jantina dalam efikasi sendiri akademik di kalangan populasi dewasa, keputusan mungkin tidak tepat disebabkan faktor kurangnya keyakinan yang diterapkan kepada wanita minoriti daripada status sosial yang lebih rendah dan jangkaan masyarakat bahawa lelaki berprestasi lebih baik dalam program STEM. Kajian termasuk perempuan daripada pelbagai latar belakang dan disiplin akademik boleh menghasilkan hasil yang berbeza.

Kajian juga menyatakan bahawa umur merupakan faktor pengimbang dalam perbezaan antara jantina dalam efikasi sendiri akademik. Contohnya, Huang (2013) mencadangkan bahawa perbezaan jantina dalam efikasi sendiri akademik bermula pada masa remaja dan ia meningkat seiring dengan pertambahan umur. Kajian lalu bagaimanapun, tidak memberikan maklumat tentang kadar bagaimana efikasi sendiri akademik meningkat.

Bangsa juga memainkan peranan penting dalam efikasi sendiri akademik dan penyelidik telah mempersoalkan sama ada efikasi sendiri merupakan faktor penyumbang kepada jurang pendidikan kaum. Kajian terdahulu telah mencadangkan bahawa golongan minoriti mempunyai efikasi sendiri yang lebih rendah daripada rakan sejawat daripada golongan majoriti di Amerika (Huang, 2013).

Status sosioekonomi (SES) merupakan komponen penting dalam efikasi sendiri akademik. Merritt dan Buboltz (2015) berpendapat bahawa pembolehubah demografi mempengaruhi kepercayaan pelajar terhadap kebolehnya untuk melakukan sesuatu dalam situasi tertentu. Walaupun terdapat beberapa kajian tentang hubungan antara efikasi sendiri akademik dan SES, penyelidikan telah menunjukkan korelasi positif antara efikasi sendiri akademik dan pembolehubah SES seperti pencapaian pendidikan ibu bapa dan pekerjaan ibu bapa (Chen, 2011; Li, 2003). Penyelidik lain berpendapat bahawa pelajar SES rendah tidak mempunyai rasa kekitaan dalam budaya universiti dan dalam bidang akademik (Johnson, Richeson, & Finkel, 2011; Wiederkehr, Darnon, Chazal, Guimond, & Martinot, 2015). Perasaan tidak sepadan dialami oleh pelajar SES rendah berpunca daripada

pandangan negatif yang membawa kepada rasa rendah diri dan kecerdasan (Kudrna, Furnham, & Swami, 2010; Twenge & Campbell, 2002).

Terdapat juga kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa persekitaran keluarga adalah elemen penting dalam memupuk konsep sendiri dan personaliti seseorang individu. Keluarga merupakan agen utama sosialisasi kanak-kanak (Burns, 1979). Ibu bapa haruslah meluangkan masa untuk bersama dengan anak dalam aktiviti-aktiviti hariannya. Kualiti masa yang diluangkan bersama anak-anak merupakan aspek penting yang boleh mendorong seseorang individu membentuk personaliti dan konsep sendiri yang positif seterusnya memberi pengaruh terhadap pencapaian akademik mereka.

Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kepercayaan kecerdasan diri pelajar dan hubungannya terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar di Universiti Islam Selangor dan Universiti Selangor.

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji faktor kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar IPTS.
2. Mengkaji faktor kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar UIS.
3. Mengkaji faktor kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar UNISEL.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

Bab ini memfokus kepada reka bentuk kajian, latar belakang, profil kajian, populasi serta persampelan kajian, instrumen bagi pengumpulan data, instrumen, tatacara pengumpulan data serta prosedur penganalisan data.

### **2.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif secara deskriptif. Kaedah tinjauan dilakukan bagi pengumpulan data yang telah dikenalpasti melalui teknik persampelan bertujuan. Kaedah tinjauan mampu mendapatkan maklumat daripada sampel populasi yang besar yang mana ia juga sesuai bagi mengumpul data demografi yang menerangkan komposisi sampel (Glasow, P.A., 2005).

Instrumen soal selidik digunakan bagi memperolehi maklumbalas berkaitan hubungan kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar UIS dan UNISEL dan melihat kesannya terhadap pencapaian akademik pelajar. Soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumbalas berkaitan objektif kajian, mendapatkan data demografi responden seperti jantina, umur, program dan tempat pengajian dan nilai pencapaian akademik mereka dalam bentuk gred HPNG untuk membuat perbandingan dan perkaitan dalam perbincangan hasil dapatan kajian.

### **2.2 Populasi Dan Sampel Kajian**

Kajian melibatkan seramai 100 orang guru pelatih yang mengikuti program Pendidikan Islam dan TESL. Pengkaji menggunakan teknik persampelan bersifat bertujuan (*purposive sampling*) dalam kajian ini. Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) adalah kelompok responden yang mewakili populasi yang dikaji dikenalpasti dan kesemua individu dalam kelompok tersebut dikira sebagai sampel (Noraini Idris, 2010)

### **2.3 Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Selangor (UIS) yang terletak di Bandar Sri Putra, Kajang dan Fakulti Pendidikan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL) yang terletak di Bistari Jaya, Selangor. Pengumpulan data dijalankan secara atas talian disebabkan atas sebab Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia dan arahan pembelajaran secara atas talian oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepada faktor persamaan dari segi peringkat pengajian dan program pengajian kedua-dua institusi. Kedua-dua institusi adalah institusi swasta di bawah kerajaan Negeri Selangor.

### **2.4 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang disediakan kepada responden yang mengikuti program sarjana muda pendidikan Islam dan TESL untuk mendapatkan data kuantitatif di UIS dan UNISEL bertujuan untuk mengkaji hubungan kepercayaan diri kepada pencapaian akademik pelajar.

Terdapat empat bahagian utama yang berkait rapat dengan objektif kajian. Responen kajian ini dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan Skala Likert 5. Penganalisisan data dalam kajian ini melibatkan data kuantitatif yang mana maklumat diperolehi melalui instrumen soal selidik. Menurut Merriam (2001) penganalisisan data merupakan proses yang memberi makna kepada data yang dikumpul.

### **2.5 Analisis Data Soal Selidik**

Data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (*Statistical Package for the Social Sciences*). Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk melihat kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai.

Persoalan kajian dijawab menggunakan interpretasi min yang dicadangkan oleh Nunally (1978). Jadual ini juga telah diguna pakai oleh Zawawi Ismail (2008) dalam kajian yang dijalankan. Bagi setiap konstruk dalam kajian hubungan kepercayaan kecerdasan diri terhadap pencapaian pelajar dikategorikan mengikut persepsi responden sebagai interpretasi tinggi (min 4.01 hingga 5.00), sederhana tinggi (min 3.01 hingga 4.00), sederhana rendah (min 2.01 hingga 3.00) dan rendah (min 1.00 hingga 2.00).

## **3.0 DAPATAN KAJIAN**

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperolehi bagi objektif kajian iaitu kajian berkaitan hubungan kepercayaan kecerdasan diri terhadap pencapaian akademik pelajar.

### 3.1 Latar Belakang Demografi Responden

**Jadual 3.1: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina**

		Jantina		Jumlah %
		Lelaki	Perempuan	
Insituti Pengajian	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	22	58	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	6	14	20
Jumlah		28	72	100

Jadual 3.1 menunjukkan 58% responden adalah terdiri dari pelajar perempuan dan 22% pelajar lelaki dari UIS, manakala 14 % yang lain adalah pelajar perempuan dan 6% pelajar lelaki dari UNISEL. Secara keseluruhannya, 28% responden adalah pelajar lelaki dan 72% adalah pelajar perempuan.

### 3.2 Umur

Jadual 3.2: Umur

		Umur			Total
		18-20	21-23	24-26	
Insituti Pengajian	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	32	41	7	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	9	10	1	20
Jumlah		41	51	8	100

Jadual 3.2 menunjukkan majoriti 41 orang responden berumur 21-23 tahun yang merupakan pelajar UIS manakala 10 orang responden adalah pelajar UNISEL Manakala kumpulan responden berumur 24-26 tahun, merupakan minoriti iaitu seramai 7 orang dari UIS dan 1 orang dari UNISEL. Secara keseluruhannya, 41% responden adalah dari kumpulan umur 18-20 tahun, 51% responden dari kumpulan umur 21 hingga 23 tahun, dan 8% dari responden berumur 24 hingga 26 tahun.

### 3.3 Institusi Pengajian

Jadual 3.3: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Institusi Pengajian

	N	Peratus	Jumlah Peratusan
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)	80	80.0	80.0
Universiti Selangor (UNISEL)	20	20.0	100.0
Jumlah	100	100.0	

Jadual 3.3 menunjukkan 80 orang atau 80% responden adalah terdiri dari pelajar UIS manakala 20 orang pelajar yang lain atau sebanyak 20% adalah pelajar UNISEL.

### 3.4 Program

Jadual 3.4: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian

Insituti Pengajian	Program Pengajian	Program Pengajian		Peratus
		Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam	
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)	Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)	17	63	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	9	11	20
Jumlah		26	74	100

Jadual 3.4 menunjukkan majoriti responden adalah dari program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam iaitu seramai 74%, manakala 26 % yang lain merupakan pelajar Sarjana Muda TESL dari kedua-dua institusi.

### 3.5 Semester

Jadual 3.5: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Semester

Insituti Pengajian	Semester	Semester			Total
		3	4	5	
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)	Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)	44	28	8	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	10	6	4	20
Jumlah		54	34	12	100

Jadual 3.5 menunjukkan majoriti 54 daripada 100 (54%) responden adalah dari semester 3, 34 daripada 100 orang responden (34%) dari semester 4, dan 12 daripada 100 orang (12%) responden adalah dari semester 5.

### 3.6 CGPA

Jadual 3.6: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut CGPA

Insituti Pengajian		CGPA			Jumlah
		2.00-2.99	3.00-3.49	3.50-4.00	
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)		2	32	46	80
	Universiti Selangor (UNISEL)	1	11	8	20
Jumlah		3	43	54	100

Jadual 3.6 menunjukkan hanya sebanyak 3% responden memperoleh 2.00-2.99 CGPA, 43% atau 43 orang memperoleh 3.00-3.49 CGPA dan majoriti 54% memperoleh 3.50-4.00 CGPA dari kedua-dua institusi.

### 3.7 Ulang Semester dan Kursus

Jadual 3.7: Taburan dan Peratusan Responden Mengikut Ulang Semester/ Ulang Kursus

Insituti Pengajian		Ulang Semester	Ulang Kursus
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)	N	0	1
Universiti Selangor (UNISEL)	N	0	0
Jumlah		0	1

Jadual 3.7 menunjukkan hanya 1 orang pelajar dari UIS mengulang kursus manakala tiada responden yang mengulang semester dari kedua-dua institusi.

### 3.8 Faktor Kepercayaan Kecerdasan Diri dalam Kalangan Pelajar IPTS

Berikut merupakan dapatan kajian berdasarkan beberapa aspek iaitu faktor kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar IPTS, faktor kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar UIS dan faktor kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar UNISEL.

Nilai kekerapan, peratusan dan skor min bagi setiap soalan dinyatakan seperti di bawah.

Jadual 3.8 Data Faktor Kepercayaan Kecerdasan Diri dalam Kalangan Pelajar IPTS

	Sangat Tidak Bersetuju	Tidak Bersetuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Bersetuju	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1. Kejayaan seseorang sangat dipengaruhi oleh kepercayaannya terhadap potensi diri.	1 (1.0%)	-	9 (9.0%)	35 (35.0%)	55.0 (55.0%)	4.43	0.74	Tinggi
C2. Konsep sendiri yang positif membantu seseorang cemerlang dalam akademik.	-	-	10 (10.0%)	34 (34.0%)	56 (56.0%)	4.46	0.67	Tinggi
C3. Pencapaian akademik ditentukan	1 (1.0%)	3 (3.0%)	13 (13.0%)	44 (44.0%)	39 (39.0%)	4.17	0.84	Tinggi

oleh kawalan diri individu.								
C4. Keyakinan diri merupakan faktor penting kepada seseorang untuk cemerlang dalam akademik.	1 (1.0%)	-	11 (11.0%)	41 (41.0%)	47 (47.0%)	4.33	0.75	Tinggi
C5. Perasaan rendah diri yang melampau boleh menghalang perkembangan potensi seseorang.	2 (2.0%)	2 (2.0%)	11 (11.0%)	40 (40.0%)	45 (45.0%)	4.24	0.88	Tinggi
C6. Peranan guru sangat penting dalam mewujudkan rasa percaya diri.	1 (1.0%)	1 (1.0%)	12 (12.0%)	36 (36.0%)	50 (50.0%)	4.33	0.80	Tinggi
C7. Amalan perbandingan yang dilakukan oleh keluarga tentang kejayaan boleh merencatkan perkembangan potensi diri.	2 (2.0%)	3 (3.0%)	16 (16.0%)	27 (27.0%)	52 (52.0%)	4.24	0.97	Tinggi
C8. Pandangan rakan sebaya amat penting kepada seseorang.	1 (1.0%)	2 (2.0%)	27 (27.0%)	45 (45.0%)	25 (25.0%)	3.91	0.83	Sederhana Tinggi
C9. Media sosial memberikan kesan yang besar dalam kehidupan seseorang.	-	1 (1.0%)	25 (25.0%)	36 (36.0%)	38 (38.0%)	4.11	0.82	Tinggi
C10. Keprihatinan masyarakat sekeliling terhadap keperluan pendidikan meningkatkan kepekaan pelajar tentang kepentingan akademik.	-	-	16 (16.0%)	44 (44.0%)	40 (40.0%)	4.24	0.71	Tinggi
Jumlah	9 (0.09%)	12 (1.2%)	150 (15.0%)	382 (38.2%)	447 (44.7%)	4.25	0.80	Tinggi

Analisis Jadual 3.8 menunjukkan hampir kesemua item mencapai skor min tinggi antara 4.11 hingga 4.46 bagi faktor berkaitan faktor dalaman dan luaran dari aspek keyakinan diri, faktor persekitaran seperti keluarga, masyarakat dan media sosial. Hanya satu item sahaja yang mencapai skor sederhana tinggi iaitu C8 yang berkaitan dengan pernyataan bahawa pandangan rakan sebaya adalah penting untuk seseorang dengan nilai min 3.91. Item yang mendapat skor min tertinggi adalah item C2 yang melibatkan faktor konsep sendiri positif yang memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar dengan nilai min 4.46.

Min keseluruhan bagi konstruk faktor kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar di IPTS adalah tinggi dengan nilai min 4.25 bagi aspek faktor dalaman dan luaran.

### 3.9 Faktor Kepercayaan Kecerdasan Diri Dalam Kalangan Pelajar UIS

**Jadual 3.9 Data Faktor Kepercayaan Kecerdasan Diri dalam Kalangan Pelajar UIS**

UIS N=80	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1. Kejayaan seseorang sangat dipengaruhi oleh kepercayaannya terhadap potensi diri.	4.44	0.74	Tinggi
C2. Konsep sendiri yang positif membantu seseorang cemerlang dalam akademik.	4.45	0.65	Tinggi
C3. Pencapaian akademik ditentukan oleh kawalan diri individu.	4.15	0.84	Tinggi
C4. Keyakinan diri merupakan faktor penting kepada seseorang untuk cemerlang dalam akademik.	4.29	0.77	Tinggi
C5. Perasaan rendah diri yang melampau boleh menghalang perkembangan potensi seseorang.	4.24	0.85	Tinggi
C7. Amalan perbandingan yang dilakukan oleh keluarga tentang kejayaan boleh merencatkan perkembangan potensi diri.	4.26	0.92	Tinggi
C8. Pandangan rakan sebaya amat penting kepada seseorang.	3.96	0.79	Sederhana Tinggi
C9. Media sosial memberikan kesan yang besar dalam kehidupan seseorang.	4.15	0.75	Tinggi
C10. Keprihatinan masyarakat sekeliling terhadap keperluan pendidikan meningkatkan kepekaan pelajar tentang kepentingan akademik.	4.25	0.72	Tinggi
Jumlah	4.30		Tinggi

Jadual 3.9 menunjukkan min keseluruhan bagi maklumbalas responden dari UIS berkaitan konstruk faktor yang mempengaruhi kepercayaan diri pelajar yang mana pencapaian skor min menunjukkan pencapaian interpretasi tinggi iaitu dengan nilai min 4.30. Manakala pencapaian min mengikut item menunjukkan pencapaian min tertinggi adalah bagi item berkaitan faktor konsep sendiri positif yang dapat membantu pelajar cemerlang dalam prestasi dengan nilai min 4.45. Manakala item dengan min terendah adalah bagi item faktor rakan sebaya dengan pencapaian min sederhana tinggi dengan nilai 3.96.

### 3.10 Faktor Kepercayaan Kecerdasan Diri dalam Kalangan Pelajar UNISEL

Jadual 3.10 Data Faktor Kepercayaan Kecerdasan Diri dalam Kalangan Pelajar UNISEL

UNISEL N=20	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1. Kejayaan seseorang sangat dipengaruhi oleh kepercayaannya terhadap potensi diri.	4.40	0.75	Tinggi
C2. Konsep sendiri yang positif membantu seseorang cemerlang dalam akademik.	4.40	0.76	Tinggi
C3. Pencapaian akademik ditentukan oleh kawalan diri individu.	4.25	0.85	Tinggi
C4. Keyakinan diri merupakan faktor penting kepada seseorang untuk cemerlang dalam akademik.	4.50	0.69	Tinggi

C5. Perasaan rendah diri yang melampau boleh menghalang perkembangan potensi seseorang.	4.25	1.02	Tinggi
C7. Amalan perbandingan yang dilakukan oleh keluarga tentang kejayaan boleh merencatkan perkembangan potensi diri.	4.15	1.14	Tinggi
C8. Pandangan rakan sebaya amat penting kepada seseorang.	3.70	0.98	Sederhana Tinggi
C9. Media sosial memberikan kesan yang besar dalam kehidupan seseorang.	3.95	1.05	Tinggi
C10. Keprihatinan masyarakat sekeliling terhadap keperluan pendidikan meningkatkan kepekaan pelajar tentang kepentingan akademik.	4.20	0.70	Tinggi
Jumlah	4.30		Tinggi

Jadual 3.10 menunjukkan maklumbalas responden bagi konstruk faktor kepercayaan kecerdasan sendiri pelajar bagi responden dari UNISEL. Secara keseluruhannya pencapaian min bagi konstruk ini adalah tinggi dengan skor min 4.30. Manakala pencapaian min tertinggi bagi item pula adalah bagi faktor keyakinan diri yang berupaya mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dengan skor min 4.50. Min terendah pula adalah sama dengan maklumbalas responden UIS iaitu bagi faktor rakan sebaya dengan pencapaian skor min sederhana tinggi iaitu dengan nilai 3.70.

## 4.0 PERBINCANGAN

### 4.1 Perbincangan Faktor Kepercayaan Kecerdasan Diri dalam Kalangan Pelajar IPTS Di Selangor.

Hasil dapatan kajian bagi konstruk faktor yang mempengaruhi kepercayaan kecerdasan diri pelajar daripada 28 responden lelaki dan 72 orang responden perempuan dari UIS dan UNISEL menunjukkan pencapaian skor min yang tinggi dengan nilai skor min 4.30. Ini menunjukkan hampir keseluruhan responden bersetuju kepercayaan kecerdasan diri pelajar dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman.

Pandangan ini selari dengan teori Kepercayaan Lauster yang menyatakan kepercayaan diri setiap individu didasari oleh dua faktor iaitu internal dan eksternal (Nur Fauziah, 2017). Kepercayaan diri yang didorong oleh faktor internal daripada sisi dalaman berdasarkan penilaian dan penghargaan yang dibentuk oleh seseorang tentang dirinya. Erikson juga bersetuju dengan Lauster bahawa kepercayaan diri juga dipengaruhi oleh faktor eksternal iaitu aspek kepercayaan diri yang diterima daripada sisi luaran melalui didikan yang diterapkan, pekerjaan yang dilakukan dan keadaan persekitaran yang dihadapi.

Item yang mendapat skor min tertinggi adalah item C2 yang melibatkan faktor konsep sendiri positif yang memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar dengan nilai min 4.46. Konsep sendiri kanak-kanak tentang kebolehan dan kecekapan mereka dipengaruhi sejak kecil lagi melalui komen, nilai dan maklum balas daripada ibu bapa mereka (Brummelman et al., 2015; Gunderson et al., 2012). Di sekolah, respon dan maklum balas guru berkenaan dengan tingkah laku dan pencapaian pelajar mereka mempengaruhi perkembangan pemikiran ini selanjutnya (Mueller & Dweck, 1998). Jenis maklum balas yang diberikan oleh guru mungkin menyokong pembangunan diri dan meningkatkan pemikiran. Secara umum, maklum balas tertumpu pada perubahan dalam tingkah laku atau usaha meningkatkan minda yang membangun (Dweck, 2006).

Pencapaian yang tinggi ini juga selari dengan penemuan kajian De Kraker-Pauw et. al. (2022) yang mendapati bahawa pelajar cenderung mempercayai

bahawa tahap kecerdasan adalah sesuatu yang tidak boleh diubah. Selain itu, pelajar juga cenderung mempercayai bahawa usaha tidak memberi perubahan kepada tahap kecerdasan dan mereka mempercayai pandangan guru sentiasa betul sama ada positif atau negatif berkaitan dengan keupayaan diri mereka. Perkara ini juga dibincangkan oleh beberapa pengkaji berkaitan dengan mindset atau konsep sendiri pelajar yang akan terbina sejak dari kecil dari maklumbalas luaran secara berterusan.

Hasil perbandingan dapatan kajian bagi konstruk faktor yang mempengaruhi kepercayaan kecerdasan diri pelajar antara UIS dan UNISEL menunjukkan persamaan dengan nilai skor min adalah 4.30. Walaubagaimanapun, UIS mencapai nilai min tinggi bagi sembilan item manakala UNISEL hanya lapan item yang mencapai nilai min tinggi. Pelajar UIS berpandangan media sosial memberikan kesan yang besar dalam kehidupan seseorang berbanding pelajar UNISEL. Walaupun kedua-dua institusi ini memperlihatkan persamaan nilai min sederhana tinggi pada item 8, namun 70% responden memberi maklumbalas yang agak baik di mana 45% menyatakan setuju dan 25% sangat setuju bagi item berkaitan pandangan rakan sebaya amat penting kepada seseorang. Dweck (1999) menyatakan bahawa faktor luaran seperti maklumbalas persekitaran mempengaruhi perasaan pelajar tentang diri mereka secara positif atau negatif, serta apa dan bagaimana mereka belajar. Ini bermakna kepercayaan kecerdasan diri pelajar boleh terbina dari pengaruh pelbagai faktor dan cenderung menjadi sesuatu kepercayaan yang dominan bagi pelajar.

Hasil dapatan kajian bagi konstruk ini menunjukkan kedua-dua institusi ini mempunyai pandangan yang sama berkaitan faktor yang mempengaruhi kepercayaan kecerdasan diri pelajar di peringkat IPT. Faktor dalaman yang terdiri daripada kepercayaan diri dan konsep sendiri dan faktor luaran yang mengambil kira maklumbalas ibu bapa, guru, rakan sebaya dan persekitaran secara umum memberi pengaruh dalam pembentukan kepercayaan terutama kecerdasan diri mereka.

## **5.0 RUMUSAN**

Hasil dapatan kajian bagi konstruk faktor yang mempengaruhi kepercayaan kecerdasan diri pelajar menunjukkan hampir keseluruhan responden bersetuju kepercayaan kecerdasan diri pelajar dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman yang merangkumi kepercayaan diri dan konsep sendiri serta faktor luaran yang mengambil kira maklumbalas ibu bapa, guru, rakan sebaya dan persekitaran kedua-duanya memberi pengaruh dan kesan dalam pembentukan kepercayaan diri sejak kecil terutama dalam aspek kecerdasan diri. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecerdasan diri pelajar memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam akademik. Beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan bagi membina kepercayaan kecerdasan tersebut. Antaranya ialah dengan meningkatkan faktor dalaman dan luaran yang memberi pengaruh positif berbanding negatif dalam pembinaan kepercayaan kecerdasan diri. Aspek dalaman boleh dibina dan diperkasakan melalui latihan-latihan yang mengukuhkan penguasaan diri tentang pengetahuan dan kemahiran. Program-program latihan seperti ini dapat membina semangat, motivasi dan inspirasi kepada pelajar bahawa kejayaan boleh dicapai jika seseorang itu berusaha untuk mendapatkannya. Dari sudut aspek luaran, persekitaran yang positif dan membina juga perlu diwujudkan dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong emosi pelajar. Pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru dan masyarakat memainkan

peranan penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan harmoni kepada pelajar.

## 6.0 RUJUKAN

- Asiyah, Ahmad Walid, Raden Gamal Tamrin Kusuma (2019) Pengaruh Rasa Percaya Diri Terhadap Motivasi Berprestasi Siswa pada Mata Pelajaran IPA. *Scholaria Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 9(3):217-226. Diakses pada 17 Mac 2021, dari <https://www.researchgate.net/publication/336851258>
- Chen, X. (2011). *The general self-efficacy students, personality characteristics and career aspirations of the relevant research*. Harbin, China: Harbin Engineering University
- Dweck, C.S. (2007). The Perils and Promises of Praise. *Educational Leadership*, 65(2), 34-39.
- Johnson, S. E., Richeson, J. A., & Finkel, E. J. (2011). Middle class and marginal? Socioeconomic status stigma, and self-regulation at an elite university. *Journal of Personality and Social Psychology*, 100(5), 838–852. <https://doi.org/10.1037/a0021956>
- Khemka, N. (2014). Gender differences in academic self-efficacy in the subjects of Mathematics/Science and English. *CMC Senior Theses*, 920. Retrieved from [http://scholarship.claremont.edu/cmc\\_theses/920](http://scholarship.claremont.edu/cmc_theses/920)
- Kudrna, L., Furnham, A., & Swami, V. (2010). The influence of social class salience on self-assessed intelligence. *Social Behavior and Personality: An International Journal*, 38(6), 859–864. <https://doi.org/10.2224/sbp.2010.38.6.861>
- Tiara Emiliza (2019) Konsep Psikososial Menurut Teori Erik H. Erikson Terhadap Pendidikan Anak Usia Dini Dalam Tinjauan Pendidikan Islam. Diakses pada 17 Mac 2021, dari <http://repository.iainbengkulu.ac.id/3899/1/TIARA%20EMILIZA.pdf>
- Pastorelli, C., Caprara, G. V., Barbaranelli, C., Rola, J., Rozsa, S., & Bandura, A. (2001). The structure of children's perceived self-efficacy: A cross-national study. *European Journal of Psychological Assessment*, 17, 87–97. Hogrefe Publishing. <https://doi.org/10.1027//1015-5759.17.2.87>
- Huang, C. (2013). Gender differences in academic self-efficacy: A meta-analysis. *European Journal of Psychology of Education*, 28(1), 1–35. <https://doi.org/10.1007/s10212-011-0097-y>